



UNIVERSITI KUALA LUMPUR BUSINESS SCHOOL

AKHIR SEMESTER

SEMESTER JANUARI 2016

KOD SUBJEK : MPW2133
SUBJEK : PENGAJIAN MALAYSIA
TAHAP : IJAZAH
MASA / TEMPUH : 2:00 – 5:00 PETANG / 3 JAM
DATE : 30 MEI 2016

ARAHAN KEPADA CALON

1. Baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan **BERHATI-HATI**.
2. Kertas soalan ini dicetak dimuka hadapan dan belakang kertas.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian ; **bahagian A dan bahagian B**
4. Jawab **SEMUA** soalan dalam **bahagian A** dan **TIGA (3)** soalan di **bahagian B**
5. Tulis jawapan anda di kertas jawapan yang disediakan.
6. Semua soalan mestilah dijawab dalam bahasa Melayu.
7. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari dewan peperiksaan.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI SEBELAS (11) MUKA SURAT TIDAK TERMASUK HALAMAN INI.

BAHAGIAN A: (JUMLAH: 40 MARKAH)**ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN BERIKUT.****JAWAB DI DALAM BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN**

1. Semua pernyataan yang berikut adalah benar tentang sistem kerajaan, KECUALI;
 - A. Kerajaan Kesatuan merupakan penyusunan politik yang membolehkan Kerajaan Pusat mempunyai segala kuasa pentadbiran.
 - B. Kebanyakan kuasa pemerintahan dikekalkan oleh negeri-negeri dalam sistem kerajaan konfederasi.
 - C. Setiap peringkat kerajaan mempunyai autonomi perundangan tertentu dalam sistem Kerajaan Persekutuan.
 - D. Kerajaan Kesatuan lebih kukuh dan stabil pertahanannya.

2. Kekosongan kerusi di Parlimen akan diisytiharkan apabila seorang ahli Parlimen itu hilang kelayakan, meninggal dunia atau berhentajadi ahli. Berapakah tempoh untuk mengisi kekosongan kerusi di Parlimen bagi negeri Sabah?
 - A. 60 hari
 - B. 90 hari
 - C. 180 hari
 - D. 100 hari

3. Setelah Dewan Undangan Negeri dibubarkan, beberapa perkara tertentu hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 120 hari. Perkara yang terakhir sekali dilaksanakan ialah _____
 - A. Penamaan calon yang akan bertanding dalam pilihanraya
 - B. Rakyat membuang undi dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri
 - C. Persidangan pertama Dewan Undangan Negeri
 - D. Perlantikan speaker Dewan Undangan Negeri

4. Encik X berasal dari China. Pada tahun 1948, dia telah menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Apakah cara Encik X memperoleh kewarganegaraannya?
 - A. Kemasukan
 - B. Pendaftaran
 - C. Percantuman wilayah
 - D. Kuat kuasa undang-undang

5. Semasa pilihanraya umum yang lalu, calon X hilang wang depositnya. Apakah sebab calon X hilang wang depositnya?

- A. Dia tidak memenangi kerusi yang ditandinginya.
- B. Dia tidak menghantar penyata perbelanjaannya kepada Suruhanjaya Pilihanraya
- C. Dia memperoleh bitangan undi kurang daripada 1/8 jumlah undi yang diperolehi semua calon yang bertanding di kawasan berkenaan
- D. Dia menarik diri daripada menjadi calon pilihanraya selepas tempoh yang dibenarkan

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai sempadan negara yang jelas • Mempunyai penduduk yang tetap |
|---|

6. Pernyataan di atas adalah berkaitan dengan _____.

- A. Amalan demokrasi.
- B. Negara yang berdaulat.
- C. Konsep negara
- D. Sistem Kerajaan Persekutuan

7. Sir Ivor Jennings, Sir William McKell, B. Malik, Hakim Abdul Hamid dan Lord Ried mempunyai perkaitan dengan sebuah suruhanjaya yang ditugaskan untuk mengubal perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu iaitu _____.

- A. Suruhanjaya Cobbold
- B. Suruhanjaya Jennings
- C. Suruhanjaya McKell
- D. Suruhanjaya Ried

8. Mengapakah British sangat berminat dengan Tanah Melayu?

- A. Kepentingan ekonomi dan kekacauan politik di Tanah Melayu
- B. Mahu berkongsi kuasa raja-raja Melayu
- C. Kekacauan di negeri-negeri Melayu dan ramai penduduk
- D. Kerana Tanah Melayu unik dan strategik untuk diterokai

9. Padanan-padanan berikut menunjukkan penglibatan pegawai-pegawai British dengan negeri-negeri Melayu tertentu. Padanan manakah yang TIDAK TEPAT?

- A. Stanford Raffles – Selangor
- B. Sir Hugh Low – Perak
- C. Francis Light – Pulau Pinang
- D. J.W.W Birch – Perak

10. Negeri-negeri Selat yang dibentuk oleh pihak British terdiri daripada _____
A. Pulau Pinang, Singapura dan Melaka
B. Kedah, Kelantan dan Terengganu
C. Perak, Selangor dan Pahang
D. Sarawak, Sabah dan Brunei
11. Jika Perdana Menteri hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat, beliau boleh _____
A. Membubarkan Parlimen pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya.
B. Mengadakan pilihanraya umum mengikut budi bicaranya
C. Kekal dalam jawatan sehingga tempoh Parlimen tamat
D. Meletak jawatan bersama menteri-menteri kabinetnya
12. Masalah pendatang haram di Malaysia melibatkan beberapa buah kementerian. Masalah ini memerlukan penyelarasan antara kementerian yang terlibat. Tugas ini dilakukan oleh _____
A. Kementerian Dalam Negeri
B. Kementerian Luar Negeri
C. Majlis Keselamatan Negeri
D. Majlis Penasihat Ekonomi Negara
13. Antara pertubuhan berikut, yang manakah bersifat radikal?
A. Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
B. Kesatuan Melayu Muda (KMM)
C. Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)
D. Persatuan Melayu Selangor
14. Selepas pembubaran Malayan Union, digantikan dengan pertubuhan _____
A. Parti Komunis Malaya
B. Suruhanjaya Reid
C. Persekutuan Tanah Melayu
D. MPAJA
15. Pernyataan berikut adalah benar mengenai faktor pembentukan Malaysia, KECUALI:
A. Mempercepatkan proses kemerdekaan untuk Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei yang masih dijajah oleh British
B. Menjamin kestabilan politik dan sistem pentadbiran yang lebih cekap dan efisien

- C. Mengimbangi penduduk Melayu dan bumiputera dengan bukan bumiputera
- D. Menyekat pengaruh komunis yang semakin ketara terutamanya di Singapura dan Sarawak yang boleh menggugat kestabilan politik serantau

16. Seseorang warganegara asing yang ingin memperoleh kewarganegaraan Persekutuan dengan cara kemasukan mestilah memenuhi syarat-syarat berikut;

- I. Berumur lebih daripada 18 tahun
- II. Mempunyai pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu
- III. Telah bermastautin di Persekutuan bagi tempoh yang dikehendaki
- IV. Tidak mempunyai sebarang kecacatan anggota

- A. I dan II sahaja.
- B. I dan IV sahaja.
- C. II dan III sahaja
- D. III dan IV sahaja

17. Pengundian melalui pos hanya dikhaskan untuk warganegara Malaysia yang _____.

- I. Berada di luar negara kerana melancong
- II. Sedang mendapat rawatan perubatan di luar negara
- III. Sedang melanjutkan pelajaran di luar negara
- IV. Berkhidmat dengan kedutaan Malaysia di luar negara

- A. I dan II sahaja.
- B. II dan IV sahaja.
- C. II dan III sahaja
- D. III dan IV sahaja

18. Faktor apakah yang menyebabkan seorang calon hilang kelayakan untuk bertanding dalam pilihanraya di Malaysia?

- I. Calon disahkan tidak waras
- II. Calon telah didenda RM10,000 oleh mahkamah dalam satu kes sivil
- III. Calon disingkirkan daripada parti politiknya
- IV. Calon berkelakuan tidak baik dan lemah badan

- A. I dan II sahaja.
- B. I dan III sahaja.
- C. II dan III sahaja
- D. I dan IV sahaja

19. Pindaan terhadap beberapa perkara tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan hanya dianggap lulus jika mendapat sokongan majoriti 2/3 Majlis Parlimen pada bacaan kali kedua dan ketiga serta persetujuan Majlis Raja-Raja." Pilih yang manakah BENAR mengenai pernyataan ini.

- I. Pindaan terhadap kedaulatan raja-raja
- II. Pindaan terhadap kedudukan istimewa orang-orang Melayu
- III. Pindaan terhadap imuniti undang-undang ahli-ahli Parlimen yang menyatakan mereka tidak boleh didakwa di mahkamah atas sebarang perbuatan jenayah
- IV. Kelulusan belanjawan negara yang dibentangkan oleh menteri kewangan

- A. I dan II sahaja.
- B. I dan III sahaja.
- C. II dan III sahaja
- D. III dan IV sahaja

20. Antara berikut, yang manakah BENAR tentang Doktrin Pengasingan Kuasa?

- I. Badan yang sama melaksanakan kuasa kerajaan
- II. Sesuatu pihak tidak boleh terlibat dalam pengurusan lebih daripada satu bidang kuasa pemerintahan
- III. Pihak berkuasa yang lain tidak boleh mengganggu tindakan yang diambil oleh sesuatu komponen kerajaan
- IV. Setiap komponen dibenarkan mengendalikan kuasa yang dimiliki oleh pihak lain

- A. I dan II sahaja.
- B. II dan III sahaja.
- C. II dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

21. Antara berikut, yang manakah BENAR tentang rumpun etnik orang Asli?

- I. Senoi
 - II. Negrito
 - III. Mendaling
 - IV. Melayu Asli
- A. I dan II sahaja.
 - B. II dan III sahaja.
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja

22. Antara berikut, pilih pernyataan yang memberikan penjelasan mengenai asimilasi?

- I. Contohnya Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Negara dan Sekolah Kebangsaan
- II. Percampuran kumpulan minoriti ke dalam kumpulan majoriti
- III. Majoriti akan menyertai, mempelajari dan mengamalkan cara hidup kumpulan minoriti
- IV. Contohnya seperti Baba-Nyonya, Mankak, Serani, orang Cina atau India yang menetap di Kelantan atau Kedah

- A. I dan II sahaja.
- B. II dan III sahaja.
- C. II dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

23. Antara berikut, yang manakah BENAR tentang hubungan etnik selepas penubuhan Malaysia?

- I. Menggiatkan usaha mencapai perpaduan dan integrasi etnik khususnya dalam bidang politik
- II. Mewujudkan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Negara dalam usaha mewujudkan perpaduan
- III. Menyediakan peluang yang sama bagi semua bumiputera
- IV. Mewujudkan penempatan-penempatan baru bagi setiap kaum secara berasingan bagi mengelakkan perselisihan.

- A. I dan II sahaja.
- B. I dan III sahaja.
- C. II dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

24. Antara berikut, yang manakah BENAR tentang usaha-usaha yang dilakukan Jabatan Perpaduan Negara (*National Unity Department*) oleh untuk meningkatkan dan menguatkan perpaduan rakyat dan integrasi kebangsaan?

- I. Menghasilkan beberapa penerbitan dengan bertemakan perpaduan seperti keamanan, kejiranan dan sebagainya
- II. Menetapkan sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun
- III. Menggalakkan kempen mengibarkan jalur gemilang
- IV. Menganjurkan pertandingan koir, penulisan dan mewarna dalam tema perpaduan

- A. I, II dan III sahaja.
- B. I, II dan IV sahaja.
- C. II, III dan IV sahaja
- D. Semua di atas

25. Kepelbagaian karekter masyarakat Malaysia boleh menyumbang kepada _____

- I. Kepelbagaian etnik dan budaya
- II. Kepelbagaian bahasa dan adat
- III. Kepelbagaian fahaman politik
- IV. Kepelbagaian kepercayaan agama

- A. II dan IV sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. I, II dan IV sahaja
- D. Semua di atas

26. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia secara berperingkat selama 20 tahun. Strategi yang dilaksanakan dalam DEB ialah _____

- I. Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan perkembangan ekonomi negara yang berterusan
- II. Membanyakkan peluang pekerjaan
- III. Menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi
- IV. Menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020

- A. II dan IV sahaja.
- B. I, II dan III sahaja.
- C. I, II dan IV sahaja
- D. Semua di atas

27. Antara pernyataan berikut yang manakah berkaitan dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua?

- I. Dilaksanakan melalui Dasar Pembangunan Nasional
- II. Fasa terakhir kerangka ke arah merealisasikan Wawasan 2020.
- III. Bermatlamat mencapai negara maju seperti negara-negara maju yang lain.
- IV. Melibatkan Rancangan Malaysia ke-6 dan Rancangan Malaysia ke-7.

- A. II dan IV sahaja.
- B. I, dan III sahaja.
- C. I, dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

28. Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan teras utama Dasar Wawasan Negara?

- I. Membangunkan K-Ekonomi untuk berjaya dalam semua sektor ekonomi.
- II. Membina bangsa yang berdaya saing untuk meningkatkan kualiti hidup mereka.
- III. Membangunkan alam sekitar negara untuk memaksimumkan kekayaan ekonomi masyarakat.
- IV. Membangunkan sumber manusia yang mementingkan perkembangan ekonomi daripada keluarga.

- A. I dan II sahaja.
- B. II, dan III sahaja.
- C. I, dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

29. Tujuan kerajaan Malaysia melaksanakan Dasar Penswastan adalah untuk

- I. Mengurangkan beban kewangan kerajaan
- II. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara
- III. Memonopoli bidang-bidang keperluan asas rakyat
- IV. Meningkatkan kecekapan dalam aktiviti ekonomi negara

- A. I dan II sahaja.
- B. II, dan III sahaja.
- C. I, dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

30. Antara berikut yang manakah benar tentang Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?

- I. DPN meneruskan dua matlamat utama DAB
- II. DPN menitikberatkan perkembangan sektor pertanian daripada sektor perindustrian
- III. Objektif terakhir DPN ialah mencapai perpaduan
- IV. DPN mengutamakan pembabitkan sektor awam untuk proses penyusunan semula masyarakat

- A. II dan III sahaja.
- B. I, dan III sahaja.
- C. I, dan IV sahaja
- D. III dan IV sahaja

31. Apakah nama Kerajaan Melayu Kuno yang wujud di Semenanjung Indochina pada akhir abad ke-2?

- A. Kerajaan Gangga Negara
- B. Kerajaan Langkasuka
- C. Kerajaan Chin Tu
- D. Kerajaan Campa

32. Apakah faktor-faktor yang membawa kepada perubahan budaya?

- A. Teknologi dan alam semesta
- B. Teknologi dan ekonomi
- C. Generasi terdahulu
- D. Pengaruh ICT

33. Apakah kesan-kesan yang ditinggalkan Portugis?

- A. Wujudnya pelabuhan Portugis
- B. Pengenalan tulisan jawi
- C. Rakyat Melaka berhijrah ke Portugal
- D. Pengaruh pakaian Portugis.

34. Mengapakah British sangat berminat dengan Tanah Melayu?

- A. Kekacauan di negeri-negeri Melayu dan ramai penduduk
- B. Kedudukan Tanah Melayu yang strategik untuk diterokai dan unik
- C. Kepentingan ekonomi dan kekacauan politik di Tanah Melayu
- D. Mahu berkongsi kuasa raja-raja Melayu

35. Siapakah tokoh yang mengetuai rombongan ke Britain untuk menuntut kemerdekaan negara?

- A. Suruhanjaya Tinggi British
- B. Tunku Abdul Rahman
- C. Gabenor Singapura
- D. Frank Swettenham

36. Manakah **BENAR** mengenai Suruhanjaya Khas?

- A. Mengkaji perkara-perkara sensitif secara objektif, adil dan saksama.
- B. Menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih.
- C. Membuat perlantikan kakitangan awam.
- D. Menggubal undang-undang subversif.

37. Pertubuhan _____ telah dibentuk bagi menggantikan Malayan Union yang telah dibubarkan selepas mendapat tentangan hebat daripada masyarakat Melayu.

- A. Parti Komunis Malaya
- B. Suruhanjaya Reid
- C. Persekutuan Tanah Melayu
- D. MPAJA

38. Dasar ini bertujuan menyatupadukan rakyat yang berbilang keturunan etnik melalui satu sistem pendidikan. Dasar tersebut merujuk kepada _____.

- A. Dasar Pendidikan Nasional
- B. Dasar Pelajaran Kebangsaan
- C. Dasar Pendidikan Kebangsaan
- D. Dasar Pelajaran Nasional

39. Pilih padanan yang tepat bersesuaian dengan fakta yang diberi.

| | | |
|---|---------------------|---|
| A | Suruhanjaya Cobbold | Disertai 3 pegawai British iaitu Lord Cobbold, Sir Anthony Abell dan Sir David Watherston |
| B | Unsur perlembagaan | Pemerintahan monarki. |
| C | Hak kewarganegaraan | Perkara 14-31 Perlembagaan Persekutuan |
| D | Komponen Parlimen | Kementerian, Parlimen dan Bank |

40. Yang Di Pertuan Agong (YDPA) dilantik setiap _____ tahun.

- A. dua
- B. empat
- C. lima
- D. lapan

BAHAGIAN B:

ARAHAN: JAWAB SEMUA SOALAN.

JAWAB DI DALAM BUKU JAWAPAN YANG DISEDIAKAN

1. Demokrasi Berparlimen merupakan salah satu ciri yang wujud dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Bincangkan konsep, tujuan dan ciri-ciri Demokrasi Berparlimen. (20 markah)
2. Huraikan cadangan kertas kerja yang dibentangkan dalam penyata Razak dalam menangani isu sistem pendidikan dalam usaha membentuk integrasi kebangsaan (20 markah)
3. Bincangkan peranan dan kedudukan Yang Dipertuan Agong dalam sistem Kerajaan Persekutuan. (20 markah)

JUMLAH: 60 MARKAH

KERTAS SOALAN TAMAT